



INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



KONFLIK PEMBANGUNAN LOT LIDI DARI PERSPEKTIF PERUNDANGAN TANAH

LOT LIDI DEVELOPMENT CONFLICT FROM LEGAL PERSPECTIVE

Norliana Ismail^{1*}, Siti Radiaton Adawiyah Zakaria², Salfarina Samsudin³

¹ Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia
Email: norliana-82@graduate.utm.my

² Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia
Email: sradiaton@utm.my

³ Fakulti Alam Bina dan Ukur, Universiti Teknologi Malaysia
Email: salfarina@utm.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Ismail, N., Zakaria, S. R. A., & Samsudin, S. (2023). Konflik Pembangunan Lot Lidi Dari Perspektif Perundangan Tanah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 150-160.

DOI: 10.35631/IJLGC.832013.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pembangunan lot lidi menarik perhatian masyarakat dan pihak berkuasa negeri. Lot lidi merupakan terma yang diterima pakai oleh masyarakat walaupun tidak didefinisikan di dalam mana-mana peruntukan perundangan tanah. Kajian ini mengupas konsep lot lidi yang boleh difahami melalui beberapa ciri khusus iaitu tanah bermilik dengan kategori pertanian yang berada di dalam kawasan sensitif alam sekitar dan dipecah kepada lot-lot kecil secara tidak sah bagi tujuan kediaman untuk dijual melalui surat ikatan amanah. Kajian ini akan menumpukan kepada konsep lot lidi dari sudut pandang Kanun Tanah Negara. Pendekatan kualitatif digunapakai sebagai metodologi kajian dan data-data dikumpulkan melalui kajian perpustakaan. Dapatan kajian ini memfokuskan kepada konflik pembangunan lot lidi yang berhubung kait dengan Kanun Tanah Negara iaitu kegagalan pendaftaran nama pembeli, pelanggaran syarat nyata tanah dan penyalahgunaan konsep amanah. Kajian ini amat penting dilaksanakan supaya jalan penyelesaian yang komprehensif dapat dirangka untuk menangani isu lot lidi yang tidak boleh dibiarkan tertangguh dan terbiar.

Kata Kunci:

Konflik Lot Lidi, Tanah Pertanian, Kegagalan Pendaftaran, Pelanggaran Syarat Nyata, Penyalahgunaan Konsep Amanah

Abstract:

The proliferation of "lot lidi" drew the attention of the community and state authority. Despite the fact that the phrase "lot lidi" is not specified in any of the land legislation, the community has nonetheless accepted it. This paper explores the notion of "lot lidi", which may be understood via a number of unique criteria, including land that belongs to the agricultural category, located in an area with a high environmental sensitivity, and has been illegally divided into small lots for residential use with the intention of selling them through a trust deed. The National Land Code's perspective on the idea of "lot lidi" will be the main topic of this study. A qualitative approach is employed as a research methodology, and data is obtained through library research. The conclusions of this study centre on the conflict of "lot lidi" development that is connected to the National Land Code, namely the failure to register the buyer's name, breach of conditions of the land, and abuse of the trust concept. This study is important in formulating a comprehensive solution to address the issue of "lot lidi" that cannot be left unattended and abandoned.

Keywords:

"Lot Lidi" Conflict, Agricultural Land, Failure To Register, Breach Of Conditions, Abuse Of The Trust Concept.

Pengenalan

Kepelbagaian isu yang timbul akibat penjualan lot lidi ini merupakan satu masalah lama yang tertanggung dan terbiar sehingga menimbulkan konflik kepada pembeli-pembeli yang terjerat dengan pembelian ini. Perkara ini dapat dilihat melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di dalam persidangan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang yang membincangkan konflik lot lidi ini (Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, 2007, 2009, 2011). Perkara yang sama juga dibincangkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di dalam Persidangan Mesyuarat Kedua (Bajet) Penggal Keempat DUN Selangor Tahun 2021 bahawa penjualan lot lidi berada di luar kerangka Pejabat Tanah dan tidak didaftarkan mengikut Kanun Tanah Negara (KTN) menyebabkan isu lot lidi terbiar tanpa penyelesaian. Permasalahan lot lidi sering dilihat sebagai isu yang tertanggung apabila sentiasa dibahaskan bagi tiga (3) tahun berturut di dalam persidangan Mesyuarat DUN Selangor iaitu pada tahun 2020, 2021 dan 2022 (Dewan Undangan Negeri Selangor, 2020, 2021, 2022b, 2022a).

Tiada data rasmi yang boleh dikeluarkan oleh mana-mana jabatan kerajaan yang dapat menunjukkan statistik rasmi penjualan lot lidi. Hal ini disebabkan aktiviti penjualan lot lidi tidak didaftarkan di pejabat tanah yang berkenaan. Kerajaan Negeri Selangor dan Negeri Pulau Pinang mengesahkan ketiadaan data rasmi lot lidi melalui persidangan Mesyuarat-Mesyuarat DUN yang telah berlangsung (Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, 2012, 2014; Dewan Undangan Negeri Selangor, 2021). Ketidadaan data ini menunjuk secara jelas bahawa transaksi penjualan tidak direkodkan secara sah dengan mana-mana jabatan kerajaan yang terlibat dengan urusan tanah. Walaupun begitu, ketidadaan sebarang data rasmi tidak pula memberikan indikasi bahawa penjualan lot lidi tidak wujud di kalangan masyarakat. Isu lot lidi masih lagi diperkatakan di peringkat masyarakat dan pemimpin tertinggi negeri. Sebagai contoh, Kerajaan Negeri Kedah melalui kenyataan Y.A.B Menteri Besar, Dato' Seri Muhammad Sanusi Md Nor

mengingatkan pengusaha tanah untuk tidak terjebak dengan penjualan lot lidi kerana bertentangan dengan undang-undang dan boleh mengundang perpecahan di dalam masyarakat walaupun pemajuan lot lidi tersebut memberikan pulangan yang lumayan kepada penjual lot lidi (Ismail, 2023). Malah, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa konsisten tidak mengiktiraf aktiviti penjualan lot lidi yang bertentangan dengan kehendak undang-undang sedia ada (Dewan Undangan Negeri Selangor, 2020; Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor, 2022).

Contoh lot lidi yang dibangunkan secara tidak sah di Pulau Pinang boleh dilihat melalui Rajah 1 di bawah:



Rajah 1: Contoh Pembangunan Lot Lidi di Pulau Pinang

Sumber: <https://pegis.penang.gov.my>, *Google Map* dan *Google Street View*

Pelbagai risiko perundangan yang perlu dihadapi oleh pembeli. Ini adalah disebabkan penjualan berlaku dengan membelakangkan perundangan negara, malah, terdapat cubaan mengeksploitasi undang-undang sedia ada untuk menjadikan penjualan lot lidi ini “sah” dari kacamata pihak-pihak yang terlibat dengan penjualan lot lidi.

Walaupun lot lidi ini wujud di dalam masyarakat dan pembeli telah pun membeli lot lidi dengan berdepan pelbagai risiko, tiada jalan penyelesaian yang khusus dirangka untuk mencari jalan keluar daripada permasalahan ini. Apabila diteliti secara halus, konflik yang berbangkit akibat penjualan lot lidi ini mempunyai hubungkait yang rapat dengan sistem perundangan tanah di Malaysia yang menggunakan KTN sebagai rujukan utama. KTN digubal bagi menjamin kecekapan pentadbiran tanah yang merupakan aset bernilai tinggi dan mampu menjana hasil yang lumayan. Perbincangan lot lidi tidak boleh lari daripada aspek perundangan tanah yang digariskan di dalam KTN.

Sehubungan itu, kajian ini akan mengupas konsep pembangunan lot lidi dari sudut pandang KTN dan mengenalpasti konflik lot lidi yang berhubung kait dengan KTN agar satu jalan penyelesaian yang komprehensif dapat dirangka oleh pihak-pihak berwajib.

Konsep Pembangunan Lot Lidi

Terma lot lidi tidak mempunyai takrifan yang khusus dari sudut perundangan tanah di Malaysia. Lot lidi merupakan satu terma yang diterima pakai oleh masyarakat dan sering dibincangkan di dalam forum-forum yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan dan pertubuhan-

pertubuhan bukan kerajaan. Sebagai contoh, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan) (2020) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (2021) telah menganjurkan forum yang membincangkan tentang konflik berbangkit berkaitan dengan lot lidi kepada masyarakat awam. Isu lot lidi juga disebar luas melalui media sosial untuk memberikan hebahan kepada orang ramai agar cakna dengan isu yang timbul akibat pembelian lot lidi. Pejabat Daerah dan Tanah Kerian (2017) mengambil inisiatif membuat hebahan melalui laman *Facebook* mengenai perkara asas berkaitan lot lidi dan banyak dikongsi oleh pelbagai pihak. Malah, isu lot lidi dibahaskan dan dibukukan secara digital oleh Abd Sukor (2021).

Konsep pembangunan lot lidi boleh difahami melalui beberapa ciri-ciri yang telah dibincangkan di dalam kajian-kajian terdahulu. Ciri-ciri tersebut dibahagikan kepada lima (5) ciri utama dan perinciannya boleh difahami melalui Jadual 1 di bawah:

Jadual 1: Ciri-Ciri Lot Lidi Dan Huraian

BIL	CIRI-CIRI LOT LIDI	HURAIAN	SUMBER RUJUKAN
1.	Tanah bermilik	Dokumen hakmilik dikeluarkan secara sah bagi satu lot tanah yang besar	Mohd Saad & lain-lain (2020)
2.	Dipecah kecil	Lot besar dipecah kecil secara tidak sah bagi tujuan pembinaan rumah kediaman	Mohd Saad & lain-lain (2020)
3.	Status tanah	Lot yang terlibat berkategori pertanian	Dewan Rakyat (1983, 1984, 2016)
4.	Instrumen penjualan	Surat ikatan amanah digunakan sebagai dokumen jual beli yang mana pewujudan hak secara benifisial dibuat melalui seksyen 344 KTN	Mohd Saad & lain-lain (2020); Taha & lain-lain (2022)
5.	Kedudukan lot	Lot lidi terletak di kawasan sensitif alam sekitar seperti jelapang padi, pertanian dan sebagainya	Mohsin & lain-lain (2022); Mohsin & Abu (2022)

Sumber: Jadual Ini Merupakan Olahan Pengkaji Sendiri

Selain daripada konsep di atas, lot lidi juga ditakrifkan dari sisi pandang perancangan. Berdasarkan kepada kajian-kajian yang dijalankan oleh Chi (2022); Hashim (2022) dan Mohsin & Abu (2022) lot lidi merujuk kepada lot yang mempunyai keluasan keseluruhan lot berukuran 5 ekar dan ke bawah, lot yang berbentuk segi empat yang kurus dan memanjang dengan nisbah 1:5 atau lebih, panjang maksimum salah satu sisi adalah 80 hingga 100 kaki dan panjang bersih selepas serahan rizab jalan adalah melebihi 45 kaki. Berdasarkan kepada takrifan ini dapat

dirumuskan bahawa konsep lot lidi difokuskan kepada fizikal lot dan bukan kepada isu pemilikan berdaftar lot tersebut.

Setelah diteliti, perbezaan takrifan ini adalah disebabkan ketiadaan takrifan yang tepat berkaitan lot lidi. Perbezaan ini wujud disebabkan urusan lot lidi dijalankan di luar kerangka perundangan tanah. Justeru, walau apa jua takrifan dan kefahaman tentang lot lidi, sorotan kajian ini menumpukan kepada konsep lot lidi yang mempunyai hubungkait dengan kerangka KTN dan tidak melihat dari aspek perancangan pembangunan.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan kaedah pengumpulan data yang tertumpu kepada kajian perpustakaan. Sumber-sumber data penyelidikan ini adalah bersandarkan kepada maklumat-maklumat yang diperolehi melalui buku-buku, artikel, jurnal, kertas prosiding, kes-kes mahkamah dan pelbagai sumber lain yang berkaitan dengan kajian.

Data-data yang dikumpul diperolehi samada secara digital atau salinan keras daripada beberapa perpustakaan yang ada di Malaysia seperti Perpustakaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang untuk menyokong kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Analisis terhadap data-data yang telah dikumpul telah dilaksanakan dengan membahagikan data-data tersebut kepada tema-tema yang bersesuaian dengan kajian yang tertumpu kepada perbincangan tentang konsep dan konflik pembangunan lot lidi dari perspektif KTN.

Sebagai rumusan, metodologi kajian ini memfokuskan kepada tiga (3) teknik kajian iaitu menjalankan kajian perpustakaan, mengumpul data dan menganalisis data. Seterusnya, pengkaji membuat satu rumusan dapatan terhadap data-data yang telah dianalisis.

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Lot lidi mengundang permasalahan apabila pemajuan lot lidi ini tidak memenuhi peruntukan di bawah KTN. Keadaan ini mencetuskan konflik yang mencengkam pembeli yang terjebak dengan pembelian ini. Sehingga kini, konflik lot lidi tidak menemui jalan penyelesaian. Sorotan kajian ini akan membincangkan tiga (3) aspek utama yang menyentuh kolerasi lot lidi dan KTN. Tiga aspek tersebut adalah seperti yang diterangkan di dalam Rajah 2 dibawah:



Rajah 2: Konflik Pembangunan Lot Lidi dari Perspektif KTN

Sumber: Rajah Ini Merupakan Olahan Pengkaji Sendiri

Huraian dan perbincangan berhubung konflik yang wujud akibat pembangunan lot lidi adalah seperti berikut:

Ketiadaan Jaminan Pemilikan

Di dalam kes melibatkan lot lidi, nama pembeli tidak didaftarkan di dalam dokumen hakmilik (Taha & lain-lain, 2022) kerana kategori penggunaan tanah lot lidi adalah pertanian. Menurut Mohsin & lain-lain (2022), terdapat beberapa mekanisma kawalan terhadap pembangunan antaranya pengenalan kategori dan syarat nyata tanah. Berdasarkan kepada perkara ini, dapat dilihat bahawa lot lidi merupakan tanah berkategori pertanian dan pembangunannya dikawal dengan beberapa sekatan. Sebagai contoh, seksyen 205 (3) KTN menghalang pindahmilik atau pajakan tanah pertanian yang kurang daripada dua perlima ($2/5$) hektar kepada penerima yang melebihi daripada seorang. Di dalam kes lot lidi, pindahmilik tidak boleh dilaksanakan kerana halangan statutori ini yang memberi kesan kepada kegagalan pendaftaran nama pembeli.

Perkara ini menyebabkan hak pembeli tidak dijamin oleh KTN (Mohd Saad et al., 2020) yang meletakkan pendaftaran sebagai asas utama di dalam sistem perundangan tanah Malaysia. Sistem ini adalah berlandaskan kepada sistem *Torrens* yang menjadikan rekod pendaftaran sebagai sumber rujukan yang konklusif kepada pemilikan dan urusan tanah (Maidin, 2007).

Kegagalan daripada pendaftaran ini yang menjadi punca utama kepada beberapa isu berbangkit melibatkan lot lidi. Sebagai contoh, pihak-pihak yang terlibat dengan lot lidi akan berdepan dengan kesukaran dalam pengurusan pusaka, berdepan dengan masalah pembahagian pampasan tanah, kesukaran mengurusniagakan tanah secara sah dan pertambahan kos perundangan yang tinggi sekiranya wujud pertikaian (Mohd Saad & lain-lain, 2020; Ahmadan, 2021; Mohsin & lain-lain, 2022b; Taha & lain-lain, 2022). Semua permasalahan ini wujud

apabila nama pembeli tidak dizahirkan di dalam mana-mana rekod rasmi sehingga sukar untuk membuktikan pemilikan yang sah.

Secara asasnya, kegagalan pendaftaran nama pembeli menyebabkan pembeli tidak boleh melaksanakan hak-hak sebagai tuan tanah seperti yang digariskan di dalam seksyen 92 (2) KTN meliputi hak-hak memajukan tanah, mengurusniagakan tanah dan hak-hak mewariskan tanah melalui wasiat.

Penguatkuasaan Perlanggaran Syarat

Pihak berkuasa negeri berbidangkuasa menentukan syarat nyata tanah semasa kelulusan pemberimilikan seperti yang digariskan oleh subseksyen-subseksyen 79 (2) (g) dan 120 (1) KTN dan syarat nyata tersebut dizahirkan di dalam dokumen hakmilik. Selain itu, secara statutori, syarat tersirat yang digariskan oleh KTN turut mengikat mana-mana tanah berimilik mengikut kategori penggunaan tanah yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Menurut Sihombing (2021) dan Suliman (2022), setiap tuan punya tanah berdaftar bertanggungjawab untuk mematuhi syarat nyata dan tersirat pada setiap masa. Kegagalan melaksanakan tanggungjawab tersebut boleh terjumlah kepada pelanggaran syarat yang boleh menyebabkan Pihak Berkuasa Negeri merampas tanah yang terlibat. Mei (2006) menyatakan bahawa walaupun hak tuan punya tanah berdaftar dijamin oleh seksyen 340 KTN, perampasan tanah akibat pelanggaran syarat masih boleh diteruskan apabila berlakunya pelanggaran syarat tanah.

Pelanggaran syarat nyata atau tersirat boleh berlaku apabila terdapat perbuatan atau peninggalan yang dibuat oleh tuan punya tanah berdaftar. Sebagai contoh, menurut Hua Siong (2020), tuan punya tanah yang menjalankan aktiviti penyewaan rumah inap ke atas rumah yang bersyarat nyata kediaman telah melanggar syarat yang ditetapkan di dalam dokumen hakmilik. Kok (1997) pula menyatakan bahawa kegagalan tuan punya tanah untuk membina sebarang bangunan dalam tempoh yang ditetapkan di atas tanah berkategori bangunan boleh menyebabkan pelanggaran syarat berlaku.

Kes-kes lot lidi melibatkan tanah dengan kategori pertanian yang diikat dengan syarat-syarat tersirat yang digariskan oleh KTN dan syarat nyata, jika ada. Antara syarat tersirat bagi tanah kategori pertanian adalah limitasi keluasan untuk mendirikan bangunan iaitu tidak melebihi 1/5 daripada keseluruhan tanah atau dua (2) hektar, mana yang kurang (seksyen 115 KTN). Secara jelasnya, lot lidi melibatkan tanah pertanian yang dipecah kecil bagi tujuan kediaman dan sudah pastinya pembinaan kediaman tersebut akan melebihi had yang dibenarkan apabila keseluruhan tanah telah dijual bagi maksud kediaman. Justeru, pembinaan rumah kediaman di atas tanah lot lidi terjumlah kepada pelanggaran syarat.

Kesan pelanggaran syarat tersebut akan menyebabkan tanah boleh dirampas oleh pihak berkuasa negeri. Walaupun seksyen 128 KTN memberi pilihan untuk tuan tanah menghentikan pelanggaran tersebut daripada berlaku, adalah mustahil untuk tuan tanah melaksanakannya. Ini adalah kerana, mahu tidak mahu, tuan tanah perlu merobohkan keseluruhan bangunan di atas tanah tersebut dan melaksanakan aktiviti pertanian mengikut syarat tanah tersebut jika ingin menghentikan pelanggaran syarat supaya tanah tidak dirampas oleh pihak berkuasa negeri. Tindakan perobohan hanya akan mengundang kepada masalah sosial lain seperti bantahan daripada pembeli-pembeli yang bakal menanggung kerugian dan hilang tempat tinggal.

Justeru, pembelian lot lidi menyebabkan pembeli-pembeli berisiko untuk berdepan dengan tindakan perampasan tanah akibat pelanggaran syarat tanah yang sudah pasti menyebabkan kerugian yang bernilai tinggi.

Penyalahgunaan Konsep Amanah

Penjualan lot lidi menggunakan surat ikatan amanah sebagai instrumen penjualan di antara pihak-pihak yang terlibat. Penggunaan dokumen ini disebabkan transaksi penjualan lot lidi tidak memenuhi peruntukan KTN yang mengariskan beberapa sekatan yang dikenakan ke atas tanah pertanian. Berdasarkan kepada pandangan Abd Sukor (2021) surat ikatan amanah ini digunakan untuk pelantikan pemegang amanah bagi pihak pembeli selaku benefisiari yang mana pelantikan pemegang amanah boleh dari kalangan pembeli atau tuan tanah sendiri. Pelantikan pemegang amanah ini akan didaftarkan di dalam dokumen hakmilik. Kewujudan surat ikatan amanah memberikan satu persepsi kepada pembeli bahawa urusan ini adalah urusan sah. Perkara ini dibincangkan oleh Nezuakifli (2022) yang mana pembeli yakin untuk membeli lot lidi kerana wujudnya surat ikatan amanah yang diuruskan oleh peguam.

Setelah diteliti, penggunaan surat ikatan amanah ini merupakan satu alternatif yang digunakan oleh penjual dengan memanipulasi konsep amanah di dalam KTN. Sihombing, (2021) menjelaskan bahawa amanah tidak boleh diwujudkan melalui pendaftaran apa-apa urusan di dalam dokumen hakmilik. Amanah mesti diwujudkan di luar sistem pendaftaran tanah. Seksyen 344 KTN diperkenalkan dalam ruang lingkup yang terhad dan ianya berfungsi sebagai satu mekanisme untuk memberi satu deskripsi entiti ‘pemegang amanah’ kepada tuan punya tanah sahaja tanpa mendedahkan amanah-amanah yang diwujudkan di luar sistem pendaftaran.

Penjual akan menggunakan peruntukan ini untuk mendaftarkan nama pemegang amanah yang dipersetujui di dalam dokumen hakmilik. Pembeli akan berasa yakin apabila nama pemegang amanah dimasukkan dalam dokumen hakmilik dan pada masa yang sama, pembeli menjadikan surat ikatan amanah sebagai sandaran dokumentasi yang sah di dalam transaksi penjualan lot lidi. Di peringkat ini, penjual memanipulasi peruntukan sedia ada untuk memastikan transaksi penjualan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Namun begitu, seksyen 344 KTN hanya membenarkan deskripsi dibuat oleh Pendaftar di dalam memorial pendaftaran terhad setakat “sebagai pemegang amanah” sahaja. Seksyen ini tidak membenarkan pendedahan nama-nama benefisiari di dalam mana-mana dokumen hakmilik mahupun instrumen urusan. Manual KTN di mukasurat 263 perenggan 24.1 secara jelas memberi panduan kepada perkara ini. Sesuatu instrumen urusan dianggap tidak layak didaftarkan jika diletakkan nama-nama benefisiari di dalam instrumen tersebut kerana ianya melanggar peruntukan seksyen 301 (d) dibaca bersama dengan seksyen 344 KTN.

Jelas di sini menunjukkan bahawa dokumen hakmilik tidak akan mendedahkan nama-nama pembeli dan tiada sebarang rekod nama pembeli di dalam dokumen hakmilik. Sehubungan itu, hak-hak pembeli tidak dijamin oleh KTN. Sepertimana yang telah dibincangkan di atas, sistem perundangan tanah di dalam KTN adalah bersandarkan kepada konsep sistem Torrens yang menjadikan pendaftaran sebagai bukti pemilikan bagi mana-mana tanah. Kegagalan mendaftarkan nama-nama pembeli di dalam dokumen hakmilik menyebabkan hak-hak pembeli tidak dijamin oleh KTN.

Atas dasar inilah Kerajaan Negeri Selangor melalui satu keputusan Mesyuarat Penyelarasan Pentadbiran Tanah/ Daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (MPPTDPBTNS) Bil. 1/2018 yang diadakan pada 16 Julai 2018 telah bersetuju untuk menolak semua permohonan pendaftaran surat ikatan amanah yang dikemukakan di Pejabat Pendaftaran Negeri atau mana-mana Pejabat Tanah Daerah Negeri Selangor. Keputusan ini terpakai bagi tanah dengan kategori pertanian. Keputusan ini berkuatkuasa mulai 28 September 2018 sehingga satu dasar berkaitan dirangka dan diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Ini merupakan salah satu usaha untuk mengelakkan undang-undang dimanipulasi dan penyalahgunaan prosedur urusan tanah.

Kesimpulan

Berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan di atas, konsep lot lidi boleh difahami melalui sudut pandang KTN dan juga sudut pandang perancangan. Di dalam mengupas konflik pembangunan lot lidi melalui kajian ini, pengkaji memfokuskan konsep lot lidi dari perspektif KTN dan dapat dirumuskan terdapat tiga (3) konflik yang wujud akibat pembangunan lot lidi yang tidak sah.

Dapatan ini amat penting di dalam membantu pihak berkuasa negeri merancang jalan penyelesaian kepada kemelut lot lidi yang dihadapi oleh pembeli-pembeli. Isu lot lidi ini tidak boleh dibiarkan tanpa penyelesaian kerana ianya menyebabkan kepentingan kerajaan dan hak-hak pembeli tidak boleh dinikmati dengan sepatutnya. Kajian ini boleh diperluaskan dengan mengkaji jalan penyelesaian menggunakan peruntukan-peruntukan perundangan sedia ada di dalam KTN supaya isu ini diselesaikan dengan sebaiknya dan pada masa yang sama berusaha untuk mengekang penjualan lot lidi daripada terus berleluasa.

Penghargaan

Pengkaji merakamkan jutaan penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang kajian ini dijalankan. Penglibatan semua pihak telah menyumbang kepada penghasilan kajian ini yang diharapkan dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak.

Rujukan

- Abd Sukor, S. (2021). 10 risiko beli tanah lot lidi.
- Ahmadan, N. (2021). Permasalahan Prosedur Siasatan Dalam Proses Pengambilan Tanah Lot Lidi Di Negeri Selangor. Universiti Teknologi Malaysia.
- Chi, L. T. Y. (2022). Kajian Pengenaan Syarat-Syarat Kebenaran Merancang Bagi Lot-Lot Kecil (Lot Lidi).
- Dewan Rakyat. (1983). Mesyuarat Penggal Pertama, Parlimen Keenam (Vol. 1, Issue 42).
- Dewan Rakyat. (1984). Mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Keenam (Vol. 11, Issue 63).
- Dewan Rakyat. (2016). Mesyuarat Kedua, Penggal Keempat, Parlimen Ketiga Belas (Vol. 25).
- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. (2007). Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Kesebelas. <https://adun.penang.gov.my/>
- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. (2009, November 30). Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keduabelas. <https://adun.penang.gov.my>
- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. (2011, October 24). Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keduabelas. <https://adun.penang.gov.my>

- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. (2012, November 1). Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Keduabelas. <https://adun.penang.gov.my>
- Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. (2014, May 19). Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Ketiga Belas. <https://adun.penang.gov.my>
- Dewan Undangan Negeri Selangor. (2020). Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Tahun 2020.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. (2021). Mesyuarat Kedua (Bajet) Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor Tahun 2021.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. (2022a). Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2022.
- Dewan Undangan Negeri Selangor. (2022b). Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2022.
- Hashim, E. (2022). Pemajuan Di Atas Lot Kecil atau Lidi: Pengalaman Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
- Hua Siong, W. (2020). Legal Perspective of Homestay Concept in Malaysia: Hidden Facts or Truth Revealed? <https://doi.org/10.5220/0010053202020207>
- Ismail, S. (2023, January 30). Pengusaha tanah jangan terlibat geran 'lot lidi.' <https://harakahdaily.net/index.php/2023/01/30/pengusaha-tanah-jangan-terlibat-geran-lot-didi/>
- Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (Persekutuan). (2020, August 6). Lot lidi: Apa yang anda perlu tahu? <https://www.facebook.com/JKPTGHQ>
- Kok, S. (1997). A Review Of The Federal Court Case Of Kimlin Housing Development Sdn Bhd [1997] 3 MLJ ci.
- Maidin, A. J. (2007). Conversion From English Deeds System To Torrens System Of Title Registration In Penang And Malacca: Process And Problems [2007] 2 MLJ iii Malayan Law Journal Articles.
- Mei, Y. C. (2006). Equity And Indefeasibility Of Title And Interests In Land Under The Peninsular Malaysian National Land Code 1965 (Part II) [2006] 3 MLJ lxxvi.
- Mohd Saad, A. Z., Musa, Y., Alaga, A. D., Omar, I., Hassim, J., & Maidin, A. J. (2020). Penipuan Urusniaga Dan Pembangunan Tanah Lot Lidi : Pemerhatian Berfokus Dan Cadangan Penyelesaiannya. *LAND*, 4(1/2020), 1–20.
- Mohsin, A., & Abu, J. (2022). Tinta Minda BERNAMA - 'Lot Lidi': Tidak Diiktiraf Tetapi Kenapa Berleluasa. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=2052522>
- Mohsin, A., Firdaus, N. F., & Berahim, N. (2022a). Sains Humanika Punca Pembangunan Plot-plot Kediaman Tanpa Kebenaran dan Implikasi Terhadap Agensi Kerajaan (The Causes of Unauthorized Residential Plots Development and Implication for Government Agencies). www.sainshumanika.utm.my
- Mohsin, A., Firdaus, N. F., & Berahim, N. (2022b). Sains Humanika Punca Pembangunan Plot-plot Kediaman Tanpa Kebenaran dan Implikasi Terhadap Agensi Kerajaan (The Causes of Unauthorized Residential Plots Development and Implication for Government Agencies). www.sainshumanika.utm.my
- Nezuakifli, N. (2022). Lot Lidi: Tanah Tanpa Geran Individu Berasingan. *Dimensi KOOP* Bil 70.
- Pejabat Daerah dan Tanah Kerian. (2017). Risiko membeli lot lidi. <https://www.facebook.com/pdtkerian>
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (2021, February 24). "Lot Lidi" :- Mantul atau Kantoi? <https://www.facebook.com/epengurusanlatihan/>

- Portal Rasmi Dewan Negeri Selangor. (2022). Mesyuarat Kedua Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2022. [Http://Dewan.Selangor.Gov.My/](http://Dewan.Selangor.Gov.My/).
- Sihombing, J. E. (2021). National Land Code : A Commentary.
- Suliman, S. (2022). Kriteria pertimbangan dalam pemberian ulasan dan perakuan permohonan ubahsyarat tanah. Universiti Teknologi Malaysia.
- Taha, M. M., Awang, A., Sulong, J., Awang, M. B., & Suhaimi, R. (2022). Konsep Lot Lidi Dan Realitinya di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 7(47), 582–596. <https://doi.org/10.55573/JISED.074751>